

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN KITAR  
SEMULA DALAM KALANGAN GENERASI Y DI IPT  
NEGERI TERENGGANU

CHE KU NOOR HANIZA BINTI CHE KU HITAM

SARJANA SAINS  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2014

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN KITAR  
SEMULA DALAM KALANGAN GENERASI Y DI IPT  
NEGERI TERENGGANU**

**CHE KU NOOR HANIZA BINTI CHE KU HITAM**

**Tesis yang dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat untuk  
Ijazah Sarjana Sains di Pusat Pembangunan Sosioekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu**

**September 2014**

## DEDIKASI

Teristimewa untuk seluruh ahli keluarga yang berkongsi kasih sayang, harapan, pengorbanan dan kisah suka duka untuk menyiapkan tesis ini; khususnya suami tercinta, Mohd Aznif Ghazali, mak Noor Rizan Yusof dan aboh Che Ku Hitam Chik.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN KITAR SEMULA DALAM  
KALANGAN GENERASI Y DI IPT NEGERI TERENGGANU

CHE KU NOOR HANIZA BINTI CHE KU HITAM

SEPTEMBER 2014

Penyelia Utama : Profesor Dr. Ibrahim Bin Mamat, Ph.D

Penyelia Bersama : Dr. Mohd Yusri Bin Ibrahim, Ph.D

Pusat : Pembangunan Sosioekonomi

Amalan kitar semula telah dikenal pasti sebagai faktor penting untuk mengurangkan kadar penjanaan sisa pepejal bagi sesebuah negeri. Namun realiti, amalan kitar semula tidak menjadi amalan dalam gaya hidup seharian masyarakat. Kajian ini dijalankan untuk membangunkan model peramal amalan kitar semula generasi Y berlatarkan Negeri Terengganu. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji amalan kitar semula yang diamalkan oleh generasi Y serta mengenal pasti tahap, hubungan dan sumbangan faktor dalaman (sikap alam sekitar, sikap kitar semula, keprihatinan alam sekitar dan pengetahuan alam sekitar) dan faktor luaran (fasiliti kitar semula dan kos kitar semula). Sikap alam sekitar, sikap kitar semula, keprihatinan alam sekitar, pengetahuan alam sekitar, fasiliti kitar semula dan kos kitar semula adalah pembolehubah tidak bersandar, manakala amalan kitar semula merupakan pembolehubah bersandar. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk pengumpulan data kuantitatif. Responden terdiri daripada 490 generasi Y

daripada 7 buah institusi pengajian tinggi di Terengganu. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SmartPLS 2.0 dan SPSS 20. Item statistik yang digunakan untuk analisis data kuantitatif termasuk Ujian-t, ANOVA, Ujian Korelasi, Ujian Regresi Linear Pelbagai dan Analisis Pengesahan Faktor (CFA). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa sikap alam sekitar, sikap kitar semula, keprihatinan alam sekitar dan pengetahuan alam sekitar mempunyai hubungan yang positif dan peramal yang signifikan terhadap amalan kitar semula. Kombinasi sikap alam sekitar, sikap kitar semula, keprihatinan alam sekitar dan pengetahuan alam sekitar menyumbang sebanyak 73.5 peratus terhadap amalan kitar semula. Kajian ini berjaya membangunkan sebuah model peramal amalan kitar semula yang sepadan dengan data kajian yang dikumpul.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment the requirements for the degree of Master

FACTORS INFLUENCING RECYCLING BEHAVIOR IN Y GENERATION AT  
HIGH EDUCATION INSTITUTE TERENGGANU STATE

CHE KU NOOR HANIZA BINTI CHE KU HITAM

SEPTEMBER 2014

Main Supervisor : Profesor Dr. Ibrahim Bin Mamat, Ph.D  
Co Supervisor : Dr. Mohd Yusri Bin Ibrahim, Ph.D  
Centre : Socioeconomic Development

Recycling practices have been identified as important factors to reduce solid waste generation rate for a particular state. The reality is, recycling is not a practice by community in their live every day. This study was conducted to develop a predictive model of recycling in Y generation against the backdrop of the Terengganu State. The purpose of the study was to examine the practice of recycling is practiced by Y generation and identify the level, relationship and contribution of internal factors (environmental attitude, recycling attitude, environmental concerns and environmental knowledge) and external factors (recycling facilities and recycling cost). Environmental attitude, recycling attitude, environmental concerns, environmental knowledge, recycling facilities and recycling cost is the independent variable, while the practice of recycling is the dependent variable. This study used a questionnaire to collect quantitative data. Respondents consisted of 490 Y generation from seven institutions of higher learning in the

Terengganu State. Quantitative data were analyzed using SmartPLS 2.0 and SPSS 20 software. Items of the statistics used for the analysis of quantitative data including T-test, ANOVA, Correlation, Multiple Linear Regression Testing and Confirmation Factor Analysis (CFA). The study also showed that environmental attitude, recycling attitude, environmental concerns and environmental knowledge has a positive and significant predictor of recycling practices. The combination of environmental attitude, recycling attitude, environmental concerns and environmental knowledge contribute 73.5 percent against the practice of recycling. This study successfully developed a predictive model of recycling that match the survey data collected.